

Kejahilan ancaman umat Islam

UM-21/5/2006

| Daripada AZNAN BAKAR

SHARM EL-SHEIKH (MESIR) 20 Mei - Ancaman utama terhadap umat Islam bukannya aktiviti militan atau keganasan tetapi akibat kejahilan, kemiskinan dan tidak ada pendidikan yang menyebabkan mereka mudah terpedaya dengan kumpulan-kumpulan yang berkepentingan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Oleh itu kata Perdana Menteri, usaha perlu dilakukan terutama oleh Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk memastikan setiap umat Islam mendapat pendidikan berkualiti bagi meningkatkan taraf ekonomi.

"Banyak masalah dalam Islam hari ini bukan daripada penganas, ancaman paling hebat ialah kejahilan, buta huruf dan kemiskinan. Kena hapuskan masalah ini.

"Jika tidak, akan ada kumpulan yang datang untuk menjadi juara dengan menawarkan mereka supaya melakukan sesuatu dengan menjanjikan syurga jika mereka terkorban.

"Apa pilihan yang mereka ada, jika hidup tidak mempunyai masa depan dan tidak ada harapan berbanding pilihan orang yang datang jadi juara bagi mencapai kepentingan dan agenda mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika dialog pada sesi bersama Majlis 100 Pemimpin (C-100) Dialog Islam-Barat di Forum Ekonomi Dunia mengenai Asia Barat di sini hari ini.

Pendidikan merupakan senjata utama bagi memerangi ancaman itu dengan memastikan setiap umat Islam mempunyai pengetahuan untuk meningkatkan sosioekonomi mereka

— Abdullah Ahmad Badawi

Abdullah berkata, pendidikan merupakan senjata utama bagi memerangi ancaman itu dengan memastikan setiap umat Islam mempunyai pengetahuan untuk meningkatkan sosioekonomi mereka.

OIC kata beliau, perlu mengurangkan tumpuan kepada politik sebaliknya mengalihkan kepada pembangunan ekonomi dan kapasiti umat Islam.

Katanya, segala sumber di negara Islam perlu dimajukan bagi mencipta lebih banyak peluang ekonomi dan pekerjaan yang akan memberi manfaat kepada orang Islam.

"Kalau ada duit dalam poket mereka akan belajar untuk mendapatkan peluang dan kualiti dalam hidup," katanya.

Sebab itu katanya, pendidikan berkualiti boleh mendorong mereka untuk hidup, bekerja keras dan tidak terpengaruh dengan agenda negatif kumpulan tertentu.

Mengenai masalah di Iraq, Perdana Menteri berkata, ia tidak akan selesai selagi Amerika Syarikat tidak mengundurkan tenteranya dari sana.

Sekarang katanya, apabila kuasa besar itu

menyokong kumpulan Sunni, ia akan ditentang oleh Syiah dan setengah kelompok dalam Sunni yang tidak berpuas hati.

"AS punca kepada masalah di Iraq dan saya sudah nyatakan perkara ini kepada Presidennya, George W. Bush," jelasnya.


Pada dialog itu, Malaysia turut ditawarkan untuk menyelesaikan konflik di Asia Barat terutama Palestin, tetapi Abdullah tidak menyatakan sebarang persetujuan sebaliknya berkata penyelesaiannya perlu dilihat dalam skop yang lebih luas.

Katanya, ia termasuk memberi tumpuan kepada Islam sebagai salah satu jalan penyelesaian dan bukannya politik semata-mata.

"Untuk berhadapan dengan militan, kena ambil pendekatan politik dan agama bersama," kata beliau.

Jika itu gagal dilaksanakan katanya, Islam akan dirampas oleh kumpulan tertentu untuk kepentingan mereka.

Perdana Menteri turut mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Mesir, Hosni Mubarak dan Presiden Palestin, Mahmoud Abbas.



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama Mahmoud Abbas sempena Forum Ekonomi Dunia mengenai Asia Barat di Sharm El-Sheikh, Mesir semalam.

— Gambar Bernama